

**PM: 'Saya  
tidak  
perlu  
iktiraf  
mana-mana  
puak MCA'**

BM 25 AUG 1985

**KUCHING, Sabtu** —  
Pengerusi Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan perlunya jawatankuasa sementara yang diketuai oleh Setiausaha Agung BN, Encik Ghafar Baba mengendalikankan urusan-urusan MCA.

"Saya tidak perlu mengiktiraf apa-apa (mengenai pebagai puak dalam MCA sekarang).

"Malah, jawatankuasa sementara yang sepatutnya memimpin parti itu," katanya kepada pemberita di lapangan terbang antarabangsa di sini sebelum pulang ke Kuala Lumpur setelah mengadakan lawatan lima hari ke Sarawak.

Perdana Menteri menjelaskan jawatankuasa sementara itu ditubuhkan oleh mahkamah untuk menyelesaikan masalah parti itu.

Ketika ini, Datuk Dr. Neo

Yee Pan dan Datuk Mak Hon Kam masing-masing diiktiraf sebagai 'pemangku presiden' oleh dua puak dalam MCA manakala Majlis Tertinggi BN mengiktiraf kedua-dua mereka sebagai perwakilan majlis itu.

Satu lagi puak dalam parti itu diketuai oleh bekas Naib Presiden Parti, Encik Tan Koon Swan.

Mengenai tarikh pemilihan MCA pada 24 November, iaitu seminggu selepas tamatnya tempoh tiga bulan yang diberikan oleh Majlis Tertinggi Barisan Nasional kepada MCA untuk menyelesaikan krisis parti itu, Datuk Seri Dr Mahathir berkata beliau menyerahkan kepada anggota-anggota BN membuat keputusan.

Katanya, BN perlu meneliti kehendak perlembagaan MCA.

"Jika tempoh seminggu itu sangat-sangat diperlukan, saya yakin anggota-anggota BN dapat menimbangannya," kata Datuk Seri Dr Mahathir.